

24/09/1997

Jangan pertikai kejayaan PM: Anwar (HL)

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong
HONG KONG, Selasa - Masyarakat kewangan antarabangsa tidak harus mempertikaikan kukuh ekonomi Malaysia yang dibangunkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak 16 tahun lalu hanya kerana beberapa kritikan keras Perdana Menteri kebelakangan ini.

Sambil menegaskan asas ekonomi Malaysia tetap mantap dan kerana itu masyarakat pelabur tidak perlu bimbang dengan kejatuhan pasaran saham serta nilai ringgit, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan, masalah yang dihadapi negara sekarang dapat diselesaikan.

Timbalan Perdana Menteri berharap semua pihak tidak melihat kritikan Dr Mahathir itu sebagai percubaan Malaysia untuk menentang sebarang peraturan sedia ada, sebaliknya ia mencerminkan keprihatinan Perdana Menteri terhadap sikap tamak spekulator.

Anwar yang menyifatkan kenyataan keras Perdana Menteri itu mewakili kekecewaan dan rasa tidak puas hati negara membangun berkata, berdasarkan kejayaan Malaysia sekarang, adalah jelas Dr Mahathir sudah banyak berusaha ke arah meliberalisasikan pasaran.

"Apa yang membimbangkan saya ialah setiap kali Dr Mahathir mengkritik keras, ramai membuat kesimpulan ia adalah satu ledakan pandangan seorang ultranasionalis untuk memperbaiki peraturan dan amalan sejagat.

"Saya rasa satu kenyataan (oleh Perdana Menteri) tidak sepatutnya memadamkan sepenuhnya komitmen dan rancangan jangka panjang yang sudah dibuatnya.

"Saya memberi jaminan masalah dalaman yang kita hadapi akan dapat dipulihkan seperti sedia kala," katanya pada sidang akhbar sempena Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di sini, petang ini.

Anwar berkata, setiap pandangan Perdana Menteri adalah secara am dan selaku Menteri Kewangan, beliau memberi tumpuan kepada isu spesifik.

"Dalam hal ini (kenyataan Dr Mahathir), tidak timbul sebarang perbezaan pendapat antara saya dengan beliau. Jadi, anda perlu mempercayai kedua-duanya," katanya menjawab soalan wartawan asing mengenai kenyataan siapa yang boleh dipercayai.

Akhbar The Sunday Morning Post, dalam laporan eksklusifnya Ahad lalu menyebut Dr Mahathir akan memperkenalkan langkah tertentu bagi mengehadkan urusan niaga tukaran wang asing di Malaysia.

Bagaimanapun, Anwar pada sidang akhbar sehari selepas itu menegaskan, tiada sebarang perubahan atau garis panduan baru diperkenalkan berhubung urusan niaga itu, sebaliknya Malaysia mahu IMF digunakan sebagai saluran untuk mengekang spekulasi dan manipulasi di pasaran itu.

"Jika ada pun sebarang perubahan mahu dibuat, Menteri Kewangan, Gabenor Bank Negara dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti adalah antara mereka yang pertama diberitahu," ujar Anwar.

Katanya, beliau seorang saja tidak mampu membuat liberalisasi kepada ekonomi Malaysia tanpa restu Perdana Menteri dan Kabinet.

(END)